



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**EPISTEMOLOGI PERUBATAN IBN QAYYIM AL-JAWZIYYAH
DI DALAM *AL-TIBB AL-NABAWI***

NURAZMALLAIL BIN MARNI

FEM 2012 3

**EPISTEMOLOGI PERUBATAN IBN QAYYIM
AL-JAWZIYYAH DI DALAM *AL-ṬIBB AL-NABAWI***



NURAZMALLAIL BIN MARNI



**DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

2012

**EPISTEMOLOGI PERUBATAN IBN QAYYIM AL-JAWZIYYAH
DI DALAM *AL-TIBB AL-NABAWI***



Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia bagi memenuhi syarat untuk Ijazah Doktor Falsafah

Oktober 2012

PRAKATA

Minat untuk mengkaji teks *al-Tibb al-Nabawi* karya Ibn Qayyim al-Jawziyyah (691-751 H/1292-1350 M) mula tercetus sejak penyelidik melanjutkan pengajian di Fakulti Syariah, Universiti Islam Madinah, Arab Saudi pada tahun 1993 hingga tahun 1997. Penyelidik amat menghargai kesempatan menuntut di Madinah bumi bertuah yang diturunkan wahyu ke atas Nabi Muhammad s.a.w. merangkumi peraturan hidup manusia termasuk hal-hal yang berkaitan dengan perubatan. Justeru, tidak hairanlah dengan keadaan kota Madinah yang dipenuhi dengan bahan-bahan rujukan dalam pelbagai bidang.

Dalam tempoh pengajian di Universiti Islam Madinah, penyelidik berjaya memiliki empat naskhah buku dengan judul yang sama, iaitu *al-Tibb al-Nabawi* tetapi berlainan pengarang yang terdiri daripada Ibn Ḥabīb al-Andalusī (m. 238 H), ‘Abd al-Latīf al-Baghdādī (m. 629 H), al-Hāfiẓ al-Dhahabī (m. 748 H), dan Ibn Qayyim al-Jawziyyah (m. 751 H). Keadaan ini menimbulkan pelbagai persoalan dalam minda penyelidik yang antara lainnya ialah mengapa perubatan Nabi mendapat perhatian daripada ramai ilmuwan Islam dalam tempoh yang panjang dan apakah faktor yang melatari dorongan, bentuk penulisan, dan kerangka epistemologi bagi setiap pengarang tersebut.

Sekembalinya penyelidik ke tanah air setelah menamatkan pengajian di Universiti Islam Madinah, dorongan untuk menjadikan perubatan Nabi sebagai subjek kajian semakin bertambah kesan daripada pengalaman bertugas sebagai tutor di Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial (mulai Jun 2010 ditukar nama kepada Fakulti Tamadun Islam), Universiti Teknologi Malaysia. Hal ini demikian kerana penyelidik terlibat secara langsung dalam pengajaran kursus Tamadun Islam & Tamadun Asia (TITAS 1) yang merupakan kursus umum wajib Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Lebih penting daripada itu, kursus tersebut membincangkan tentang sejarah dan tokoh-tokoh ilmuwan Islam termasuklah ilmuwan dalam bidang perubatan.

Maklumat dan minat penyelidik mengenai sejarah dan tokoh perubatan Islam semakin bertambah apabila berpeluang menyambung pengajian di peringkat sarjana dalam bidang Tamadun Islam di Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Atas minat yang telah tercetus sejak belajar di peringkat ijazah sarjana muda di Universiti Islam Madinah, penyelidik memilih untuk melakukan kajian tentang pendidikan saintis Muslim dari abad keempat hingga abad ketujuh Hijri. Antara hasil kajian tersebut ialah kebanyakannya tokoh saintis Muslim pada sekitar empat abad tersebut adalah terdiri daripada mereka yang menceburi bidang perubatan seperti al-Rāzī (m. 313 H), Ibn Ṣīnā (m. 428 H), Ibn Rushd (m. 595 H), dan ‘Abd al-Latīf al-Baghdādī (m. 629 H).

Penyelidik akhirnya memutuskan untuk menjuruskan kajian terhadap kitab *al-Tibb al-Nabawi* yang merupakan satu bab daripada bab-bab yang terdapat dalam kitab *Zād al-Ma‘ād* sebagai subjek kajian di peringkat doktor falsafah. Hal ini memandangkan kemasyhuran kitab *al-Tibb al-Nabawi* karya Ibn Qayyim di alam Melayu dan perkembangan minat yang semakin mendalam di kalangan segerintir masyarakat Islam termasuk penyelidik terhadap perubatan Nabi.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran saya panjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana memberikan saya taufik, hidayah, dan inayah yang berterusan dalam iman dan Islam serta iltizam yang berpanjangan dalam menyiapkan kajian di peringkat doktor falsafah ini. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w serta ahli keluarga, para sahabat, dan mereka yang menuruti jalannya dari awal kebangkitan syariat hingga hari kiamat.

Lautan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan kajian ini sama ada secara langsung atau tidak langsung khasnya buat penyelia utama merangkap pengurus komiti penyeliaan, Prof. Madya Dr. Nurdeng Deuraseh yang sentiasa memberikan inspirasi, motivasi, bantuan, cadangan, komen, dan pandangan bernas dalam menjayakan kajian ini. Begitu juga dengan anggota komiti penyeliaan yang terdiri daripada Prof. Madya Dr. Zaid bin Ahmad dan Dr. Amini Amir bin Abdullah yang turut memberikan panduan dan bimbingan yang membina dalam memastikan tesis ini berjaya disiapkan. Rakaman penghargaan turut penyelidik tujukan kepada rakan-rakan pensyarah di UTM yang begitu mengambil berat akan perkembangan kajian ini khasnya pihak pentadbiran di Fakulti Tamadun Islam. Segala sumbangan kalian berupa idea, cadangan, dan dorongan dalam memantapkan lagi hasil kajian ini tidak akan dilupakan. Semoga Allah jua yang membalasinya dengan semaksima ganjaran di sisi-Nya.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada Universiti Teknologi Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi yang memberikan saya peluang untuk menimba ilmu pengetahuan yang amat berharga menerusi kelulusan cuti belajar bersama biasiswa dan gaji penuh. Seterusnya buat sesiapa sahaja yang memberi input dan bantuan kepada pengkaji dalam menjayakan kajian ini yang tidak dapat semuanya pengkaji sebutkan dalam ruangan yang ada.

Akhir sekali, khusus buat mereka yang sentiasa ketawa bersama, menangis bersama, mengharungi detik kesusahan dan kesenangan bersama, memberi kekuatan dan inspirasi setiap ketika dalam melalui tempoh penyelidikan, serta yang amat dicintai dan dikasih isteri tersayang, Ruzana binti Abu Nasir. Buat anak-anak yang menjadi penyejuk mata dan penghilang duka menghadapi tekanan dalam tempoh pengajian, iaitu Izzah Najihah, Azam Nadzmi, Azam Hilmi, Azam Fahmi, Azam Nadzif, dan si comel Azam Fikri, ketahuilah kamu bahawa ayah amat gembira ketika dapat bersama dengan kalian semua. Terlebih utama daripada itu, sekalung penghargaan buat kedua ibu-bapaku, Haji Marni bin Parlan dan Hajjah Zabidah binti Mahadi serta ibu bapa mertua, Haji Abu Nasir bin Mohamad dan Hajjah Tumi binti Jabar, sesungguhnya kalian sentiasa memahami dan tidak putus-putus mendoakan kebahagiaan, kesejahteraan, dan kejayaanku dalam mendaki puncak ilmu di menara gading sehingga berjaya menyandang gelaran Doktor. Semoga kita semua sentiasa berbahagia dan mendapat rahmat-Nya. *Āmīn yā Rabb al-‘Ālamīn.*

ABSTRAK

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

EPISTEMOLOGI PERUBATAN IBN QAYYIM AL-JAWZIYYAH DI DALAM *AL-TIBB AL-NABAWI*

Oleh

NURAZMALLAIL BIN MARNI

Oktober 2012

Pengerusi: Profesor Madya Nurdeng Deuraseh, PhD

Fakulti: Ekologi Manusia

Kajian ini melibatkan pengamatan analitikal terhadap epistemologi perubatan Ibn Qayyim berdasarkan teks *al-Tibb al-Nabawi* yang merupakan sebahagian daripada kitab *Zād al-Ma‘ād fī Hady Khayr al-‘Ibād*. Objektif umum kajian ialah untuk memahami dan menganalisis epistemologi perubatan Ibn Qayyim dalam *al-Tibb al-Nabawi*. Objektif khusus kajian ialah pertamanya, untuk mengenalpasti pengaruh persekitaran pendidikan dan keilmuan terhadap epistemologi dan pendekatan penulisan *al-Tibb al-Nabawi*. Keduanya, untuk mengenalpasti teras epistemologi perubatan Ibn Qayyim. Terakhirnya, untuk menganalisis teks yang berkaitan dengan cabang ilmu perubatan menurut Ibn Qayyim, iaitu perubatan hati (*tibb al-qulūb*) dan perubatan badan (*tibb al-abdān*) berbanding perubatan Greek yang mengklasifikasikannya kepada ilmu perubatan teori (*‘ilm al-tibb al-naẓari*) dan ilmu perubatan amali (*‘ilm al-tibb al-‘amali*). Pendekatan analisis tematik di

samping pendekatan hermeneutik dan pendekatan interpretasi berfalsafah akan digunakan sebagai metode kajian. Hasil kajian mendapati bahawa *al-Tibb al-Nabawi* adalah wacana utama Ibn Qayyim dalam menjelaskan epistemologi perubatan Nabi yang merupakan kesinambungan daripada ilmu perubatan terdahulu khasnya perubatan Greek. Sumbangan utama Ibn Qayyim dalam epistemologi perubatan ialah melakukan Islamisasi terhadap ilmu perubatan sedia ada dengan meletakkan nilai agama yang tinggi kepada panduan perubatan Nabi s.a.w hasil rujukan kepada al-Quran dan hadis di samping rujukan kepada sumber-sumber ilmu perubatan yang terdiri daripada penyaksian (*mushāhadah*), pengamatan (*tadabbur*), pemerhatian (*ta'ammul*), penemuan daripada ujikaji (*tajribah*), dan pandangan tokoh-tokoh perubatan klasik dan sezaman dengan Ibn Qayyim.

Abstract of thesis presented to Senate of Universiti Putra Malaysia
in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**MEDICAL EPISTEMOLOGY OF IBN QAYYIM AL-JAWZIYYAH
IN *AL-TIBB AL-NABAWI***

By

NURAZMALLAIL BIN MARNI

October 2012

Chairman: Associate Professor Nurdeng Deuraseh, PhD

Faculty: Human Ecology

This study involves analytical observations on the medical epistemology of Ibn Qayyim based on the text of *al-Tibb al-Nabawi*, which is part of the book of *Zād al-Ma'ād fī Hady Khayr al-Tbād*. The general objective of this study is to understand and analyze the medical epistemology of Ibn Qayyim in *al-Tibb al-Nabawi*. The specific objectives of this study are firstly, to identify the influence of environmental education and knowledge on the epistemology and approaches of *al-Tibb al-Nabawi*. Secondly, to identify the core of the medical epistemology of Ibn Qayyim. Lastly, to analyze the text associated with the branches of medicine according to Ibn Qayyim, namely heart medicine (*tibb al-qulūb*) and body medicine (*tibb al-abdān*), compared to the Greek medicine which classified medicine as theoretical medicine (*'ilm al-tibb al-nazari*) and practical medicine (*'ilm al-tibb al-'amali*). Thematic analysis as well as the approach of hermeneutics and philosophical interpretation

will be used as the method of study. The study found that *al-Tibb al-Nabawi* is the main discourse of Ibn Qayyim in the process of explaining the Prophet's medical epistemology that is a continuity from the previous medical sciences particularly the Greek medicine. The main contribution of Ibn Qayyim in medical epistemology is to Islamized the existing medical sciences by placing a high religious value to the medical guidance of the Prophet's resulted from the reference to the Quran and Hadith as well as other sources of medical sciences consisted of eyewitness (*mushāhadah*), contemplation (*tadabbur*), careful consideration (*ta'ammul*), experimental findings (*tajribah*), and views from the prominent classical medical scholars as well as contemporary to Ibn Qayyim.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 25 Oktober 2012 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Nurazmallail bin Marni untuk menilai tesis beliau yang bertajuk “Epistemologi Perubatan Ibn Qayyim al-Jawziyyah di dalam al-Ṭibb al-Nabawi” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Jayum anak Jawan, PhD

Profesor

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Muhd Fauzi bin Muhamad, PhD

Profesor Madya

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

Ahmad Tarmizi bin Talib, PhD

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

Ibrahim bin Abu Bakar, PhD

Profesor Madya

Fakulti Pengajian Islam

Universiti Kebangsaan Malaysia

(Pemeriksa Luar)

SEOW HENG FONG, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 22 Oktober 2012

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah **Doktor Falsafah**. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Nurdeng Deuraseh, PhD

Profesor Madya

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Zaid bin Ahmad, PhD

Profesor Madya

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

Amini Amir bin Abdullah, PhD

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

PERAKUAN

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain.

NURAZMALLAIL BIN MARNI

Tarikh: 31 Oktober 2012

PANDUAN TRANSLITERASI

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Roman</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
ء	'		sa'ala
ب	b	بدل	badala
ت	t	تمر	tamr
ث	th	ثورة	thawrah
ج	j		jamāl
ح	h	حدث	ḥadatha
خ	kh	خلود	khulūd
د	d	ديوان	dīwān
ذ	dh	ذهب	dhahaba
ر	r	رحم	raḥīm
ز	z	زمزم	zamzam
س	s	سرية	sariyyah
ش	sh	شمس	shams
ص	ṣ	صبر	ṣabr
ض	ḍ	ضمير	ḍamīr
ط	ṭ	ظاهر	ṭāhir
ظ	ẓ	ظهر	ẓuhr
ع	'	عبد	'abd
غ	gh	غيب	ghayb
ف	f		fiqh
ق	q	قة	qūḍāh
ك	k		kamāl
	l	لبن	laban
م	m	مزمار	mizmār
ن	n	نوم	nawm
ه	h	هجرة	hijrah

و	w	وصل	waṣl
ي	y	يسار	yasār

(vokal)

Vokal Pendek

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Roman</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Transliterasi</u>
a	a	فعل	fa ‘ala
i	i	حسب	hasiba
u	u	كتب	kutiba

Vokal Panjang

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Roman</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Transliterasi</u>
إِ	ā	كاتب ، قضى	kātib, qaḍā
يِ	ī	كريم	karīm
وِ	ū	حروف	hurūf

Diftong

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Roman</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Transliterasi</u>
وِي	aw	قول	qawl
يِي	ay	سيف	sayf
ـ يِ	iyy atau ī	رجعيَّ	raj‘ iyy atau raj‘ ī (di akhir)
ـ وِ	uww atau ū	عدوٌ	‘aduww atau ‘adū (di akhir)

Pengecualian

1. Huruf Arab ﴿ (hamzah) pada awal perkataan ditransliterasikan kepada a, bukan kepada ’ Contoh; أَكْبَرُ Transliterasi: akbar bukan ’akbar.

2. Huruf Arab ت (tā’ marbūṭah) ditransliterasikan kepada t dan bukannya kepada h jika terletak pada perkataan yang tiada ال (alif lam) dan bersambung dengan perkataan lain selepasnya yang mempunyai ال (alif lam).

Contoh:

1. وزارة التعليم

Transliterasi

wizārat al-ta’līm (bukan wizārah).

2. مطبعة المعهد العلمي

Maṭba‘at al-Ma‘had al-‘Ilmi

3. Huruf Arab ت (tā’ marbūṭah) ditransliterasikan kepada h sekiranya tā’ marbūṭah terletak pada perkataan yang mempunyai ال (alif lam) atau pada perkataan tunggal atau pada perkataan terakhir.

Contoh:

1. المكتبة الأهلية

Transliterasi

al-Maktabah al-Ahliyyah

2.

qal‘ah

3. دار وهبة

Dār Wahbah

Skop Penggunaan Jadual Transliterasi

Dalam konteks penulisan tesis ini, jadual transliterasi hanya digunakan untuk menukar huruf Arab ke dalam huruf Roman bagi ejaan istilah, perkataan, dan nama tempat yang belum wujud dan mantap dalam bahasa Melayu. Ejaan istilah, perkataan, dan nama tempat yang sudah termaktub dalam Kamus Dewan atau meluas penggunaannya dalam Bahasa Melayu seperti tauhid, hukum-hakam, Muharram, Baghdad, dan Kaherah adalah tidak memerlukan kepada transliterasi.

SENARAI KEPENDEKAN

Cet.	: cetakan
Ed.	: edisi
ed.	: editor (penyunting)
et al.	: dan pengarang-pengarang lain
H	: Hijri/Hijrah
hlm.	: halaman
ibid.	: di tempat yang sama
jil.	: jilid
juz.	: juzuk
<i>lih.</i>	: lihat
<i>lih. j.</i>	: lihat juga
m.	: mati/meninggal dunia
M	: Masihi
pntrj.	: penterjemah
pnyl.	: penyelenggara
s.a.w	: Ṣallallāh `alayh wa sallam
S.M	: Sebelum Masihi
S.W.T	: Subḥānahu wa ta`ālā
t.pt.	: tanpa penerbit
t.th.	: tanpa tahun penerbitan
t.tp.	: tanpa tempat penerbitan
terj.	: terjemahan

ISI KANDUNGAN

	Halaman
PRAKATA	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
PERAKUAN	x
PANDUAN TRANSLITERASI	xi
SENARAI KEPENDEKAN	xiv
ISI KANDUNGAN	xv
 BAB	
I PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Permasalahan Kajian	4
1.4 Persoalan Kajian	7
1.5 Kepentingan Kajian	8
1.6 Objektif Kajian	9
1.6.1 Objektif Umum	9
1.6.2 Objektif Khusus	9
1.7 Skop Kajian	10
1.8 Kerangka Konseptual	12
1.9 Kesimpulan	14
II PENDEKATAN KAJIAN	15
2.1 Pengenalan	15
2.2 Pendekatan Dalam Memahami Teks	15
2.2.1 Analisis Tematik	16
2.2.2 Pendekatan Hermeneutik	18
2.2.3 Pendekatan Interpretasi Berfalsafah	21
2.3 Kesimpulan	24
III TINJAUAN LITERATUR	25
3.1 Pengenalan	25
3.2 Kajian Epistemologi Islam	31
3.3 Kajian Pemikiran Ibn Qayyim al-Jawziyyah	48
3.4 Penulisan Kitab <i>al-Tibb al-Nabawi</i> dan Kajian Berkaitan	59
3.5 Kesimpulan	74
IV PERSEJARAHAN <i>AL-TIBB AL-NABAWI</i> IBN QAYYIM	75
4.1 Pengenalan	75
4.2 Milieu Politik, Ekonomi, dan Sosial	76
4.3 Biografi Ibn Qayyim	81
4.3.1 Riwayat Hidup	81
4.3.2 Latar Belakang Pendidikan	84
4.3.3 Sumbangan Ilmiah	93

4.4	4.3.4 Penglibatan Sebagai Pengamal Perubatan Kesimpulan	97 101	
V	TERAS EPISTEMOLOGI <i>AL-TIBB AL-NABAWI</i>		
	IBN QAYYIM	103	
5.1	Pengenalan	103	
5.2	Kaitan Antara Epistemologi dan Ilmu Perubatan	103	
	5.2.1 Definisi dan Asas Epistemologi	104	
	5.2.2 Epistemologi dan Ilmu Perubatan	119	
5.3	Anatomi Kitab <i>al-Tibb al-Nabawi</i>	112	
5.4	Definisi Perubatan Nabi	120	
	5.4.1 Definisi ilmu (<i>al-'ilm</i>)	121	
	5.4.2 Definisi <i>al-tibb</i>	125	
	5.4.3 Definisi <i>al-Tibb al-Nabawi</i>	128	
	5.4.4 Analisis pendefinisian <i>al-Tibb al-Nabawi</i>	131	
5.5	Konsep Hikmah dalam Epistemologi Ibn Qayyim	144	
5.6	Hierarki Keilmuan Para Pengamal Perubatan	150	
5.7	Objektif Penulisan <i>al-Tibb al-Nabawi</i>	155	
5.8	Konsep Sakit (<i>al-Maraq</i>) dan Sihat (<i>al-Sihhah</i>)	161	
5.9	Prinsip Penggunaan Ubat	169	
5.10	Asal-usul Ilmu Perubatan	173	
5.11	Sifat dan Sumber Ilmu Perubatan: Antara Wahyu dan Pengalaman	176	
5.12	Petunjuk Wahyu Kepada Wujudnya Penawar Bagi Setiap Penyakit	198	
5.13	Tawakal dan Amalan Berubat Menurut Wahyu	201	
5.14	Nilai Psikologi Dalam Rawatan Pesakit	203	
5.15	Kesimpulan	204	
VI	KLASIFIKASI ILMU PERUBATAN MENURUT IBN QAYYIM DALAM <i>AL-TIBB AL-NABAWI</i>	206	
6.1	Pengenalan	206	
6.2	Klasifikasi Ilmu Perubatan Arab-Yunani	207	
6.3	Klasifikasi Perubatan Nabi	220	
	6.3.1 Perubatan Hati (<i>Tibb al-Qulūb</i>)	229	
	6.3.2 Perubatan Badan (<i>Tibb al-Abdān</i>)	238	
6.4	Konsep Holistik Dalam Perubatan Nabi	242	
6.5	Islamisasi Ilmu Perubatan Yunani Dalam <i>al-Tibb al-Nabawi</i> Ibn Qayyim	256	
	6.5.1 Ilmu Perubatan Teori	261	
	6.5.2 Ilmu Perubatan Amali	277	
	(i) Rawatan (<i>al-'Ilāj</i>)	278	
		(a) Perbandingan metode penulisan Ibn Qayyim dan Ibn Sīnā	282
		(b) Analisis tema-tema penting berkaitan rawatan	284
	(ii) Penjagaan Kesihatan (<i>Hifz al-Sihhah</i>)	287	
		(a) Elemen-elemen asas	289

(b)	Elemen-elemen tambahan	295
6.6	Pendekatan Ibn Qayyim Dalam Memahami Hadis Mengenai Rawatan Dan Penjagaan Kesihatan	297
6.7	Kesimpulan	306
VII RUMUSAN, DAPATAN, DAN CADANGAN KAJIAN LANJUTAN		307
7.1	Pengenalan	307
7.2	Rumusan dan Dapatan Kajian	308
7.3	Cadangan Kajian Lanjutan	313
7.4	Penutup	314
BIBLIOGRAFI		315
SENARAI AYAT AL-QURAN DAN MATAN HADIS		336
LAMPIRAN		339
Lampiran 1: Pembahagian kandungan <i>al-Tibb al-Nabawi</i> Ibn Qayyim		339
Lampiran 2: Carta pembahagian pendapat ilmuwan tentang asal-usul ilmu perubatan		345
Lampiran 3: Carta pembahagian hadis-hadis perubatan dari sudut kehujahannya		346
Lampiran 4: Carta Teori Humor dalam fisiologi perubatan		347
Lampiran 5: Tahap penglibatan perubatan dalam hubungannya dengan klasifikasi ilmu menurut Ibn Ṣinā		348
Lampiran 6: Carta pembahagian ilmu perubatan Arab (Yunani)		349
Lampiran 7: Jadual rawatan penyakit dan kaedah rawatannya		350
Lampiran 8: Jadual pengkategorian isi kandungan kitab <i>al-Tibb al-Nabawi</i> (Bab Rawatan)		352
BIODATA PELAJAR		355
SENARAI PENERBITAN		357